

**Dapatkan isi ucapan, buku Perdana Menteri di Perpustakaan Yayasan Perdana Utusan Online  
8 November, 2012**

PUTRAJAYA 7 Nov. - Orang ramai kini berpeluang membaca dan meneliti setiap isi ucapan serta buku semua perdana menteri di negara ini di Perpustakaan Perdana di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

Perpustakaan tersebut menyimpan lebih empat ribu tajuk ucapan, laporan dan buku para pemimpin negara sejak era Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman hingga sekarang.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, perpustakaan tersebut dibuka kepada orang ramai bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan bagaimana Malaysia mampu membangun menjadi sebuah negara industri hanya dalam tempoh 55 tahun selepas kemerdekaan.

"Ramai pihak bertanya bagaimana Malaysia boleh dibangunkan dari negara pertanian kepada perindustrian hingga dimajukan ke tahap ini, jadi saya memikirkkan adalah lebih baik sekiranya segala surat-menyurat, dasar dan ucapan oleh Perdana Menteri dikumpul di sini untuk semua belajar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Pelancaran Kad Keahlian dan Pembukaan Perpustakaan Perdana, di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, perpustakaan tersebut turut menerapkan elemen media baru di mana setiap pengguna boleh melayari laman web perpustakaan tersebut untuk mengakses pelbagai maklumat.

Dalam pada itu, Ketua Perpustakaan Perdana, Azahar Mohd. Nor ketika ditemui berkata, orang ramai yang berminat untuk menjadi ahli perlu membayar yuran RM10 setahun dan boleh meminjam sebanyak dua buku dalam satu masa.

Katanya, pengguna juga boleh melayari laman web perpustakaan itu, [www.yayasanperdana.org](http://www.yayasanperdana.org). untuk memeriksa judul buku yang masih ada.

"Selain ucapan dan buku-buku oleh perdana menteri kita juga mempunyai koleksi pelbagai buku dalam pelbagai bahasa tetapi semuanya bergenre bukan fiksiyen, kepimpinan dan ekonomi.

"Bagaimanapun untuk pengguna media baharu mereka hanya boleh mengakses beberapa muka surat sahaja dan jika mahu mengetahui lebih lanjut perlu meminjam di sini," katanya.

Azahar berkata, langkah itu bertujuan menjaga hak cipta setiap buku malah ada antara bahan-bahan itu telah wujud sejak awal tahun 1920-an lagi.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20121108/dn\\_14/Dapatkan-isi-ucapan-buku-Perdana-Menteri-di-Perpustakaan-Yayasan-Perdana](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121108/dn_14/Dapatkan-isi-ucapan-buku-Perdana-Menteri-di-Perpustakaan-Yayasan-Perdana)